

UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI

## SIARAN MEDIA

### **MyCC MELANCARKAN RUNDINGAN AWAM MENGENAI CADANGAN PEMBAHARUAN PENGECAULIAN BLOK BAGI PERJANJIAN PERKONGSIAN VESEL BERKENAAN DENGAN PERKHIDMATAN PELAYARAN TETAP**

**KUALA LUMPUR, 23 OGOS 2022 –** Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah menerbitkan syornya mengenai cadangan pembaharuan pengecualian blok untuk perjanjian perkongsian vesel (VSA) berkenaan perkhidmatan pelayaran tetap, yang telah tamat pada 6 Julai 2022. Penilaian ke atas permohonan pembaharuan pengecualian blok dibuat selaras dengan peruntukan seksyen 8 Akta Persaingan 2010.

Setelah melaksanakan penilaian terperinci terhadap permohonan pembaharuan tersebut, MyCC telah menerbitkan cadangan pembaharuan pengecualian blok di laman webnya untuk tempoh tiga puluh (30) hari dari 22 Ogos sehingga 21 September 2022, sejajar dengan peruntukan di bawah seksyen 9 Akta Persaingan 2010. Pihak berkepentingan dan orang ramai adalah dijemput untuk memberikan maklum balas terhadap cadangan pengecualian blok yang terkandung dalam dokumen rundingan awam tersebut.

“Dalam permohonan pembaharuan pengecualian blok ini, pemohon tersebut telah meminta supaya tempoh pengecualian blok VSA dilanjutkan untuk tempoh lima (5) tahun. Sebagai sebahagian daripada proses penilaian, MyCC juga telah bertemu dengan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk mendapatkan input dan maklum balas mengenai permohonan itu. Kami kini ingin menjemput orang ramai dan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk mengemukakan maklum balas bertulis mereka mengenai pengecualian blok yang dicadangkan. Kami juga akan mengadakan sesi rundingan awam fizikal pada 7 September 2022 di Kuala Lumpur,” kata Encik Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

“Adalah penting bahawa pembaharuan permohonan pengecualian ini memberi manfaat ekonomi dan pada masa yang sama, tidak menggugat persaingan dalam sebahagian besar pasaran perkhidmatan pelayaran tetap. Oleh itu, maklum balas pihak



**UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI**

berkepentingan adalah penting untuk pertimbangan dan penilaian MyCC terhadap permohonan pengecualian blok," kata beliau.

Pembaharuan pengecualian blok yang dicadangkan ini adalah terpakai kepada perkhidmatan pelayaran yang disediakan oleh pengendali kapal dalam pengangkutan laut dan tidak akan termasuk sebarang pengangkutan barang darat yang merupakan sebahagian daripada pengangkutan termasuk perkhidmatan yang disediakan oleh penyedia logistik, penghantar, pengendali depot, pemandu lori, pengendali kereta api, penyedia perkhidmatan penyatuan kemudahan luar dok dan penyedia perkhidmatan penyimpanan luar dok dan pergudangan, sama ada entiti tersebut bergabung atau tidak dengan pengendali kapal.

Dokumen rundingan dan semua maklumat lain berkaitan pembaharuan pengecualian blok yang dicadangkan boleh didapati di laman web MyCC di <https://www.mycc.gov.my/>.

**-tamat-**

UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit: +6019 215 2273

Emel: [cad@mycc.gov.my](mailto:cad@mycc.gov.my)

### **Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-10 pada 1 April 2021 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkuatkan kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).